

## **LAMPIRAN 'B'**

### **SYARAT – SYARAT KHAS**

Syarat-syarat khas ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak:

1. **MAKLUMAT LATAR BELAKANG, KEWANGAN DAN PRESTASI KONTRAKTOR**
  - 1.1 Kontraktor hendaklah mengambil maklum bahawa sebutharga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kontraktor untuk melaksanakan perkhidmatan, disamping kemunasabahan harga. Justeru itu keupayaan kontraktor akan dinilai semasa penilaian sebutharga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, tenaga kerja dan prestasi kerja semasa kontraktor.
  - 1.2 Untuk membolehkan penilaian dibuat, kontraktor dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bersama-sama dokumen sebutharganya. Dokumen-dokumen ini sangatlah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat keatas kontraktor. Sekiranya kontraktor tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan, dokumen sebutharganya akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
  - 1.3 Sekiranya kontraktor gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen yang berkaitan, maklumat dan data-data yang tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidakcukupan dokumen tersebut penilaian keupayaan kontraktor dianggap tiada.
  - 1.4 Semua borang-borang maklumat hendaklah diisi dengan maklumat yang benar dan data-data yang tepat.
  - 1.5 Semua maklumat dan dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan oleh kontraktor bersama-sama dokumen sebutharga sebelum tarikh tutup sebutharga dan kontraktor tidak dibenarkan mengemukakannya selepas itu. Sebarang maklumat atau mana-mana dokumen yang diterima selepas sebutharga ditutup, tidak akan diambil kira dalam penilaian keupayaan kontraktor.
  - 1.6 Sekiranya kontraktor didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (whithold) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, dokumen sebutharganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakuan terhadapnya.

## **2. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN KERAJAAN**

- 2.1 Kontraktor adalah dikehendaki mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan yang berkuatkuasa semasa pelaksanaan kerja/perkhidmatan. Kegagalan didalam mematuhi akta, peraturan dan undang-undang tersebut sehingga dikenakan tindakan undang-undang, denda atau seumpamanya adalah di bawah tanggungjawab kontraktor sendiri.

## **3. STATUS DAN BILANGAN PEKERJA**

- 3.1 Kontraktor hendaklah menyediakan bilangan pekerja **seramai 3 orang termasuk seorang penyelia** bagi menjamin kesempurnaan kerja sepetimana diterangkan dalam penentuan kerja.
- 3.2 Seorang penyelia atau pembantunya haruslah mengawasi setiap kakitangan yang bertugas dan perlu berada di tempat kerja pada waktu bekerja supaya memudahkan pegawai yang berkenaan untuk menghubungi.
- 3.3 Jumlah pekerja hendaklah tidak kurang dari bilangan seperti di dalam jadual dan kontraktor hendaklah menyelia bagi menentukan kerja-kerja dilaksanakan dengan sempurna. Kontraktor dibenarkan menambah tenaga pekerjanya mengikut pertimbangannya tetapi tiada penambahan harga akan dibuat pada kontrak asal.

## **4. KELENGKAPAN UNTUK PEKERJA**

- 4.1 Semua pekerja yang dilantik hendaklah terdiri daripada **warganegara Malaysia dan beragama Islam**. Bagi pekerja bukan warganegara, kontraktor **wajib** memastikan pekerja mempunyai permit bekerja yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia.
- 4.2 Pekerja-pekerja hendaklah berpakaian yang sesuai dan menjaga tingkahlaku mereka. Arahan Pegawai dalam hal ini adalah mutakhir dan beliau boleh membuat keputusan mengenainya berdasarkan norma-norma sepetimana pada kakitangan awam.
- 4.3 Pekerja hendaklah dibekalkan dengan pakaian seragam dan mempunyai tandanama. **Senarai nama serta nombor kad pengenalan** hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Penguasa untuk semakan.

5. **TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR DAN HAK KERAJAAN**

- 5.1 Kontraktor bertanggungjawab menjaga keselamatan nyawa pekerjanya, orang awam dan segala harta di tapak dan bangunan sekitarnya. Sebarang kemudaratan kehilangan atau kerosakan yang melibatkan nyawa atau harta benda samada milik persendirian atau milik kerajaan akan dikenakan tuntutan yang munasabah ke atas kontraktor.
- 5.2 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua kecederaan pekerja, penghuni kawasan dan kerosakan kepada harta yang berlaku dari kecuaian kontraktor sendiri. Kontraktor perlu sentiasa memberitahu Pegawai Pengguna atau wakilnya terhadap sebarang tuntutan berbangkit dari penyempurnaan kontrak ini.
- 5.3 Kontraktor dikehendaki mengganti semua kerosakan harta Kerajaan Negeri Selangor yang disebabkan oleh kelalaian atau kemalangan semasa melaksanakan kerja tersebut diatas perbelanjaan sendiri. Kontraktor juga akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan atau kecurian yang berlaku semasa pekerja masih di kawasan bangunan.
- 5.4 Kontraktor bertanggungjawab bagi **mengadakan pekerja, perkakasan** seperti tangga, **mesin-mesin, pengangkutan, bahan-bahan** dan **lain-lain alat** yang diperlukan bagi melaksanakan kerja dengan sempurna.
- 5.5 Kontraktor hendaklah menyediakan peralatan yang sesuai bagi melaksanakan kerja. Penggunaan peralatan atau mesin selain dari yang diluluskan oleh Pegawai Pengguna tidak dibenarkan. Peralatan atau mesin tersebut hendaklah dihantar kepada Pegawai Pengguna untuk diperiksa dan diuji sebelum dibenarkan penggunaannya. (Jika dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Pengguna).
- 5.6 Kerajaan adalah sentiasa berhak untuk memeriksa perkhidmatan yang dibuat oleh kontraktor. Kontraktor yang berjaya hendaklah memberi kemudahan kepada kerajaan untuk meneliti dan memeriksa kawasan di mana perkhidmatan ini dilaksanakan.
- 5.7 Kerajaan berhak pada atau bila-bila masa menamatkan kontrak ini sekiranya didapati perkhidmatan yang diberi oleh kontraktor tidak memuaskan.
- 5.8 Pegawai akan membuat **perakuan terhadap kerja-kerja mencuci bangunan dan membersih kawasan** berkenaan setelah kerja-kerja siap pada tiap-tiap bulan.

6. **WAKTU BEKERJA**

- 6.1 Kontraktor adalah dikehendaki menjalankan kerja-kerja berikut seperti berikut:-

**Isnin hingga Jumaat - 7.45 pagi hingga 5.00 petang  
Sabtu, Ahad & Cuti Am - 8.30 pagi hingga 4.30 petang**

- 6.2 Jika perlu pada cuti hari Sabtu dan Ahad (berdasarkan arahan pegawai yang bertugas jika terdapat kerja-kerja yang perlu dilaksanakan).
- 6.3 Jika cuti panjang, pekerja hendaklah datang untuk membuat kerja seperti biasa; atau mengikut skop perkhidmatan (cth: menyiram pokok setiap hari); atau atas arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- 6.4 Pekerja yang menyapu dan membersih dikehendaki memulakan kerja seawal 7.00 pagi bagi **membersihkan laluan utama kawasan**.
- 6.5 **Sekiranya terdapat majlis diadakan di luar waktu bekerja, kontraktor diminta bekerja bagi persiapan dan juga pelaksanaan majlis tersebut** dan cuti ganti bolehlah diambil pada hari lain dan perlu diselaraskan oleh pihak kontraktor tanpa menganggu operasi harian, persiapan atau perlaksanaan majlis. Pelarasian ini perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Penguasa.
- 6.6 Tiada pertambahan kos dibenarkan sekiranya pihak kontraktor bekerja di luar waktu bekerja biasa dan ia perlu dimasukkan ke dalam kos penyelenggaraan bulanan.

## 7. **SPESIFIKASI KERJA**

- 7.1 Kontraktor adalah **dianggap telah melawat tapak kerja** dan mengetahui beban pekerjaan, jenis peralatan, mesin dan lain-lain lagi bagi kesempurnaan kerja kerana tuntutan perbelanjaan tambahan di atas kecuaian pihak kontraktor tidak akan dipertimbangkan.
- 7.2 Pada asasnya kerja-kerja termasuk **membaja, merumput, menggembur, menyiram, meracun, mencantas, membersih dan menyapu, mencuci longkang serta memotong rumput.**
- 7.3 Semua kerja yang dijalankan hendaklah memberi kepuasan kepada Pegawai Pengguna atau wakilnya. Potongan harga akan dibuat berdasarkan arahan/peraturan semasa yang dikeluarkan sekiranya prestasi kerja yang dijalankan tidak memuaskan Pegawai Pengguna atau wakilnya. Sebarang perubahan skop kerja tidak dibenarkan kecuali atas kebenaran bertulis dari Pegawai Pengguna atau wakilnya.
- 7.4 Setiap pekerja dikehendaki mempunyai **borang kehadiran atau kad kehadiran (punch card)** yang perlu diisi atau diketip setiap kali hadir bekerja dan selepas bekerja. Peralatan tersebut hendaklah disediakan oleh pihak kontraktor dengan perbelanjaan sendiri. Jika kontraktor mendapati sukar menjalankan kerja di waktu bekerja biasa kerana beberapa hal yang di luar kemampuannya, kontraktor adalah dibenarkan menjalankan kerjanya di luar waktu tersebut setelah mendapat kelulusan bertulis dari Pegawai Pengguna.
- 7.5 Kontraktor hendaklah menyediakan **jadual kerja** dan perlu diserahkan kepada Pegawai Pengguna untuk semakan.
- 7.6 Kontraktor hendaklah sentiasa mematuhi arahan dari Pegawai Pengguna atau wakilnya semasa melakukan kerja.
- 7.7 Kontraktor dikehendaki membersihkan longkang dan saluran-saluran air yang tersumbat. Bantuan Pegawai Pengguna hanya akan diberikan setelah dipertimbangkan dan difikirkan perlu sahaja.
- 7.8 Kontraktor hendaklah **memastikan kawasan** makam di dalam keadaan yang **bersih dan sempurna** dari segala peralatan, mesin dan lain-lain sebelum meninggalkan kawasan **pada tiap-tiap hari** tamat bekerja.
- 7.9 Kontraktor diingatkan bahawa pihaknya akan dikehendaki pada satu-satu masa melaksanakan **kerja-kerja tambahan bagi persiapan dan juga pelaksanaan majlis berkaitan protokol** atas arahan Pegawai Pengguna atau wakilnya jika difikirkan perlu dengan tiada bayaran tambahan kepada kontraktor. Oleh itu, kontraktor perlu mengambil kira tenaga kerja dan keperluan lain yang akan digunakan dalam perkhidmatan ini.

7.10 Tatacara am kerja seperti berikut hendaklah dipatuhi dengan sempurna. Pihak kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas kesempurnaan kerja-kerja di tapak kerja:-

(a) **Penjagaan**

- i. Penggunaan kayu pemancang hendaklah kuat dan teguh bagi menampung beban selepas hujan atau angin kencang. Pokok-pokok yang diikatkan pada pemancang hendaklah kukuh.
- ii. Kontraktor secara amnya mestilah melindungi supaya kawasan *turf* dan tanaman lain tidak rosak kerana perbuatan yang tidak bertanggungjawab atau kecuaian. Kontraktor dikehendaki membayai segala perbelanjaan untuk pagar-pagar sementara yang diperlukan untuk melindungi kawasan yang baru bertanam sehingga cukup subur dan segar.
- iii. Kontraktor dikehendaki mengganti pokok-pokok yang mati dengan pokok yang baru dan bersesuaian di kawasan taman dan di dalam pasu dan juga kawasan-kawasan yang dikehendaki oleh Pegawai Penguasa. Kos bagi penggantian dan pembekalan pokok-pokok di dalam pasu tersebut adalah termasuk di dalam harga penyelenggaraan bulanan.
- iv. Sekiranya terdapat pertambahan atau penanaman pokok-pokok baru di kawasan tapak kerja semasa dalam tempoh kontrak, kontraktor dikehendaki menyelenggara pokok-pokok tersebut seperti biasa. Tiada penambahan kos akan dibuat bagi menyelenggara pokok-pokok tersebut dan ia perlu dimasukkan ke dalam harga penyelenggaraan bulanan.

(b) **Penggantian**

- i. Semua pokok (pokok utama, pokok renik dan penutup bumi) yang mati, tidak subur dan tidak sihat hendaklah diberitahu serta merta kepada Pegawai Penguasa.
- ii. Semua pokok (pokok utama, pokok renik dan penutup bumi) yang akan diganti hendaklah mendapat persetujuan daripada Pegawai Penguasa dengan kadar harga yang telah dipersetujui.
- iii. Kawasan yang telah keras dan kompek (padat) hendaklah diberitahu serta merta kepada Pegawai Penguasa.
- iv. Kawasan tanah yang telah keras dan padat yang perlu digantikan dengan '*top soil*' yang baru hendaklah mendapat

persetujuan daripada Pegawai Penguasa dengan kadar harga yang telah dipersetujui.

(c) **Membaja**

- i. Pembajaan hendaklah dijalankan 1 kali sebulan atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.
- ii. Gunakan baja yang sesuai untuk semua pokok-pokok utama, renik, penutup bumi dan pokok pemanjat. Baja mestilah dalam bentuk kering atau air. Sistem saliran perlulah dibaiki sebelum sebarang kerja pembajaan boleh dilakukan.
- iii. Baja-baja mestilah ditaburkan dengan rata diatas kawasan sistem akar dan digaulkan perlahan-lahan dengan tanah permukaan.
- iv. Pembajaan perlulah berhati-hati supaya tidak merosakkan atau melecurkan daun-daun atau batang-batang dengan memastikan yang baja tadi tidak terkena bahagian-bahagian tersebut.
- v. Bagi pokok-pokok berbunga, baja yang sesuai adalah seperti N.P.K. 13:10:21 dan bagi pokok-pokok hijau, baja yang sesuai adalah seperti N.P.K. 15:15:15 atau baja organik (*pallet*). Baja organik bolehlah diselang-selikan 3 bulan sekali di antara penggunaan baja kimia.

(d) **Merumput Dan Menggembur**

- i. Kerja-kerja merumput dan menggembur perlu dijalankan dipangkal pokok tanaman dengan jejari 1.5' – 2' keliling atau seperti diarahkan oleh Pegawai penguasa.
- ii. Rumput perlu dibuang ketika ianya masih baru dan gunakan peralatan tangan bila menjalankan kerja-kerja merumput.
- iii. Bahan-bahan buangan daripada merumput tadi hendaklah dibuang supaya memastikan yang tapak sentiasa berkeadaan bersih.
- iv. Merumput Dan Menggembur Pokok Besar; Merumput dan menggembur hendaklah dijalankan 1 kali sebulan atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.

- v. Merumput Dan Menggembur Pokok Renik; Merumput dan meggembur hendaklah dijalankan 2 minggu sekali atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguin. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguin bagi semakan.

(e) **Penyiraman**

- i. Penyiraman hendaklah dijalankan 2 kali sehari setiap hari pada waktu pagi dan petang atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguin. Pada hari hujan, penyiraman bolehlah dikecualikan selagi ia mencukupi bagi semua tanaman. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguin bagi semakan.
- ii. Penyiraman hendaklah menggunakan peralatan yang sesuai. Sekiranya tidak terdapat sumber air di sesuatu kawasan, kontraktor adalah dikehendaki mencari kaedah lain bagi melakukan penyiraman. Tiada sebarang tuntutan perbelanjaan tambahan dibenarkan.

(f) **Meracun Serangga**

- i. Penyemburan racun serangga hendaklah dijalankan apabila perlu atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguin. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguin bagi semakan.
- ii. Penyemburan mesti dilakukan pada hari panas kerana hari hujan tidak akan memberi kesan kepada serangga-serangga. Peralatan penyemburan yang sesuai hendaklah digunakan semasa kerja-kerja dijalankan.
- iii. Racun serangga yang boleh digunakan adalah yang telah diluluskan dan dibenarkan sahaja. Kontraktor mestilah mengikut arahan dengan teliti seperti yang tertera di label botol.
- iv. Pemeriksaan yang kerap perlulah dibuat supaya serangga-serangga dapat dikawal.
- v. Elakkan dari menggunakan satu jenis racun serangga sahaja tiap-tiap kali menyembur kerana ini tidak akan mendatangkan kesan yang baik bagi membunuh serangga-serangga.
- vi. Serangga-serangga

Siput dapat dielakkan dengan racun serangga yang ditaburkan dikeliling pokok yang diserang.

Semut-semut hendaklah dikawal dengan menaburkan racun serangga didalam bentuk serbuk disekeliling tanaman. Semut putih boleh dikawal semasa proses menanam pokok.

Racun serangga hendaklah ditaburkan kedalam lubang tanaman agar akar-akar tanaman tidak diserang serangga perosak.

(g) **Mencantas Pokok**

- i. Gunakan peralatan yang sesuai bagi kerja cantasan. Cantasan hanya dilakukan jika pokok-pokok telah tumbuh elok dan subur dan daun telah rimbun.
- ii. Cantasan perlu untuk membentuk pokok mengikut bentuk yang dikehendaki oleh Pegawai Penguasa. Pokok perlu dicantas supaya sihat dengan membuang semua dahan yang mati, rosak, diserang penyakit dan lain-lain.
- iii. Pokok yang tumbuh tidak kemas atau tumbuh menghalang perlulah dicantas. Walaubagaimanapun rupa bentuknya seharusnya dikekalkan dalam bentuk asli. Dahan yang dicantas dengan tidak cermat, hendaklah dikemaskan semula. Potongan pada dahan-dahan utama perlulah disapu dengan ‘sealant’ yang diluluskan.
- iv. Cantasan ringan akan menggalakkan tumbuhan tunas-tunas baru dan cantasan berat menggalakkan pula pucuk dan merimbunkan lagi tumbuhan.

v. **Mencantas Pokok Pagaran/renik**

Cantsanan hendaklah dijalankan 1 kali sebulan atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa bagi semakan.

Pokok-pokok renik yang baru ditanam semula mestilah dibuat cantasan pada dahan-dahan yang kering. Pokok renik hendaklah dicantas apabila tumbuh tinggi daripada pokok-pokok utama dan merosakkan harmoni komposisi.

Tanaman penutup bumi hendaklah dicantas supaya sihat dan kemas disamping memastikan daripada menutupi tanaman-tanaman lain.

(h) **Pembersihan Kawasan**

- i. Kontraktor hendaklah sentiasa membuat kerja-kerja pembersihan dan pembuangan sampah (termasuk menyapu) di sekitar batas tanaman, pokok, kawasan ‘hard lanscape’, semua tempat duduk, kawasan berturap, laluan pejalan kaki dan lain-lain.
- ii. Tempat membuang sampah mestilah dijaga agar berada di dalam keadaan yang baik dan hendaklah dimaklumkan kepada Pegawai Pengguna sekiranya rosak. Pembuangan sampah adalah dari kawasan penanaman termasuk juga pembuangan beg-beg plastik, tin/kotak minuman, kertas-kertas, kayu-kayu dan lain-lain.
- iii. Sampah sarap dari pokok utama dan pokok renik yang jatuh ke atas kawasan berturap atau kawasan lain hendaklah disapu dan boleh dikembalikan ke batas tanaman untuk menjadikannya kompos.
- iv. Selepas kerja-kerja pembersihan kawasan, kontraktor dikehendaki memasukkan segala sampah, rumput-rumput dan dedaun ke dalam beg plastik dan dibawa keluar dari kawasan kerja dan membuangkannya di tempat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(i) **Mencuci Longkang**

- i. Pencucian longkang hendaklah dijalankan 1 kali sebulan atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Pengguna. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Pengguna bagi semakan.
- ii. Pembersihan longkang-longkang dari sampah sarap, tanah dan sebarang tumbuhan hendaklah menggunakan peralatan yang berkesan dan sesuai.
- iii. Selepas kerja-kerja pembersihan kawasan, kontraktor dikehendaki memasukkan segala sampah, rumput-rumput dan dedaun ke dalam beg plastik dan dibawa keluar dari kawasan kerja dan membuangkannya di tempat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(j) **Memotong Rumput**

- i. Pemotongan rumput hendaklah dijalankan 2 kali sebulan atau seperti yang diarahkan oleh Pegawai Pengguna. Jadual perlu disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Pengguna bagi semakan.

- ii. Rumput dan belukar dikedua-dua belah pagar hendaklah dipotong dan diracun disekeliling pagar.
- iii. Serpihan rumput yang jatuh kedalam longkang, kaki lima dan lain-lain tempat hendaklah dibersihkan dengan sempurna.
- iv. Selepas kerja-kerja pembersihan kawasan, kontraktor dikehendaki memasukkan segala sampah, rumput-rumput dan dedaun kedalam beg plastik dan dibawa keluar dari kawasan kerja dan membuangkannya ditempat yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(k) **Pembersihan Makam/Struktur Berkaitan**

- i. Menjaga kebersihan persekitaran binaan makam supaya kelihatan bersih daripada rumput dan kulat. Pembersihan hendaklah dijalankan 2 kali sehari atau seperti yang diarahkan Pegawai Penguasa.
- ii. Menjaga kebersihan struktur berkaitan di kawasan makam iaitu dari segi kebersihan lantai, dinding dan sebagainya.
- iii. Melaporkan sebarang kerosakan kepada Pegawai Penguasa dengan kadar segera.

7.10 Berikut disertakan jadual spesifikasi dan kekerapan kerja yang perlu dipatuhi :-

BIL	KAWASAN/TEMPAT	SPESIFIKASI	KEKERAPAN
1.	<b>PEMBERSIHAN AM</b>		
1.1	Binaan makam/struktur berkaitan	Bersihkan dari segala habuk-habuk, najis-najis siput dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai (dilap dan dikeringkan)	3 x Sehari *
1.2	Tangga-tangga/Pemegang Tangan/Tiang-tiang	Bersihkan dari segala habuk-habuk dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai	2 x Sehari *
1.3	Papan tanda	Bersihkan dari segala habuk-habuk dan lain-lain kesan kotoran yang ada dengan bahan kimia yang sesuai	1 x Seminggu *
1.4	Paip-paip/saluran/longkang (Jika ada)	Bersihkan dari segala habuk-habuk, debu-debu dan lain-lain benda asing yang ada	1 x Sebulan *
1.5	Tong sampah	Kosongkan tong sampah dan dialas dengan karung plastik  Cuci tong sampah dengan bahan kimia yang sesuai untuk menanggalkan segala kesan kotoran yang ada	1 x Sehari *  1 x Seminggu *
1.6	Tempat meletak kenderaan	Bersihkan dengan cara disapu dan pastikan tiada sampah-sarap berada di kawasan ini	2 x Sehari *
1.7	Menyapu	Menyapu seluruh kawasan daripada sampah-sarap seperti daun-daun kering, rumput, pasir-pasir halus, lain-lain benda asing dan sebagainya.  Laluan utama kawasan (termasuk kawasan pintu masuk) dibersihkan pada awal pagi.	2 x Sehari *  2 x Sehari * (1 x sebelum pukul 8.00 pagi)
2.	<b>PENJAGAAN LANSKAP</b>		
2.1	Penyelenggaraan pokok sedia ada	Mengganti pokok-pokok yang mati dengan pokok yang baru dan bersesuaian.  Menyediakan pemancang/pagar sementara untuk pokok-pokok baru.	Apabila perlu *  Apabila perlu *
2.2	Pembajaan	Menabur baja dengan rata di atas kawasan sistem akar dan digaulkan perlahan-lahan dengan tanah permukaan.	1 x Sebulan *

BIL	KAWASAN/TEMPAT	SPESIFIKASI	KEKERAPAN
2.3	Merumput dan menggembur	Merumput dan menggembur pokok besar Merumput dan menggembur pokok renik	1 x Sebulan * 1 x 2 minggu *
2.4	Penyiraman	Menyiram pokok-pokok tanaman dan pokok hiasan	2 x Sehari * (1 x pagi, 1 x petang)
2.5	Meracun serangga	Pemeriksaan pokok-pokok sebelum diracun Meracun dengan peralatan yang sesuai pada hari panas Menghapuskan serangga perosak dengan serbuk atau bahan kimia yang sesuai	2 x Seminggu * 1 x sebulan * Apabila perlu *
2.6	Mencantas pokok	Menggunakan peralatan yang sesuai untuk membuang semua dahan yang mati, rosak, diserang penyakit dan lain-lain.	1 x Sebulan *
2.7	Memotong rumput	Memotong rumput dan membersihkan serpihan rumput yang dipotong.	2 x Sebulan *

\* Tertakluk kepada arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya; DAN apabila terdapat keperluan

